

Teraju ekosistem kewangan melalui penyelesaian inovatif



MUKADIMAH

PROVIDENT Banc Berhad (PBB), komited sedia penyelesaian kewangan bagi memacu pertumbuhan ekonomi. Visi dan misi syarikat menyokong pembangunan rakyat sejajar dengan aspirasi Malaysia Madani. Syarikat yang dilesenkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) itu menjalankan operasi berlandaskan undang-undang. Fokus utama syarikat adalah bagi membantu sektor koperasi, penjawat awam serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Wartawan Utusan Malaysia **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI** menemuramah Pengarah Urusan PBB, **RAVIN RAGHU WARREN** bagi mendapatkan pandangannya. Turut membantu jurufoto **M. FIRDAUS JOHARI**.

MAHU BEKERJASAMA PERTINGKAT SEKTOR KOPERASI

Penyelesaian kewangan di negara kita agak terhad kepada bank atau pihak ketiga. Maka disebabkan itu, kita mahu menjadi sebahagian daripada penyelesaian tersebut melalui perkhidmatan kepada semua masyarakat secara menyeluruh dengan bertindak sebagai pembiayaan kredit.

Kami tidak mahu terlalu tertumpu kepada syarikat swasta semata-mata sebaliknya ingin memperluaskan perkhidmatan kepada sektor kerajaan.

Sebabnya mudah. Kita mahu membantu mereka yang memerlukan dan kita tahu tidak mudah untuk memohon bantuan kewangan daripada mana-mana institusi kewangan.

Kami ingin memberi tumpuan kepada penjawat awam yang sering menghadapi cabaran mendapatkan pembiayaan dari pihak koperasi. Pembiayaan ini kita tahu penting bagi membangunkan ekosistem kewangan mereka.

MENINGKATKAN AKSES KEWANGAN UNTUK SEMUA

Bagi syarikat seperti PBB, fintech membuka ruang untuk menyediakan perkhidmatan pembiayaan yang lebih mudah diakses, cepat dan selamat. Dengan memanfaatkan teknologi ini pada masa hadapan, kita dapat memenuhi keperluan pelbagai pihak termasuk penjawat awam, sektor koperasi dan usahawan kecil. Salah satu inovasi yang diterapkan oleh PBB adalah sistem permohonan



SEBAHAGIAN tamu undangan khas yang hadir dalam majlis makan malam bersempena Karnival Pemeraksanaan Ekonomi ditaja oleh Provident Banc Berhad (PBB) baru-baru ini.

pembiayaan secara digital.

Pengguna boleh memohon pembiayaan melalui aplikasi mudah alih atau laman web tanpa perlu hadir secara fizikal. Ini menjimatkan masa, meningkatkan pengalaman pengguna dan memperluaskan capaian kepada mereka yang berada di kawasan luar bandar pada masa hadapan.

Kita juga dalam masa yang sama mahu memperkenalkan perkhidmatan Ar-Rahnu iaitu sistem pajakan gadai Islam.

UBAH PERSEPSI NEGATIF

Di tengah-tengah cabaran persepsi negatif terhadap syarikat pembiayaan kredit, PBB berpegang teguh kepada prinsip kewangan beretika, boleh menjadi pemacu perubahan melalui teknologi seperti *blockchain*, kita memastikan ketelusan dalam

semua urusan kewangan, menjadikan PBB lebih dipercayai masyarakat.

KADAR FAEDAH MESRA RAKYAT

Kami mahu membantu anggota koperasi dan kakitangan kerajaan. Kami menawarkan kadar (faedah) kompetitif iaitu dengan hanya satu angka sahaja, antara tujuh ke sembilan peratus meskipun di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 kami boleh mengenakan faedah sehingga mencecah 18 peratus.

Untuk pengetahuan semua, kami merupakan syarikat kewangan yang dikawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta terlibat dalam perniagaan sejak tahun 1991.

SELANGKAH KE HADAPAN

Dengan matlamat untuk memacu agenda Malaysia Madani, gabungan fintech dan pembiayaan kredit seperti yang ditawarkan PBB masa akan datang adalah langkah penting. Ia bukan sahaja mempertingkatkan akses kewangan tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih inklusif dan menyeluruh. Dalam era digital ini, PBB sebagai bukan sekadar pesaing bank, tetapi pelengkap kepada sistem kewangan sedia ada. Dengan pematuan undang-undang, kami terus berusaha menjadi penyedia solusi kewangan yang dipercayai dan mesra masyarakat.

SASARAN 2025

Kami berhasrat untuk menjalinkan kerjasama

dalam pembiayaan kredit dengan semua koperasi melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang merangkumi kira-kira 655 koperasi kredit. Kami telah mengadakan perbincangan dengan pihak koperasi agensi tertentu, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan kerajaan.

Inisiatif ini juga melibatkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan matlamat utama memperkukuh sektor koperasi selaras dengan agenda Malaysia Madani.

Perkhidmatan baharu yang bakal diperkenalkan oleh PBB pada 2025 direka khas untuk memenuhi keperluan kewangan penjawat awam di Malaysia. PBB berpandukan misi untuk "Memajukan Rakyat dengan Solusi Kewangan Inovatif Patuh Syariah."